

**PEMBELIAN SECARA DALAM TALIAN.  
ADAKAH LEBIH JIMAT ATAU  
TERLEBIH BELANJA?**

**FARRAH NADIA BINTI BAHARUDDIN**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN  
PERNIAGAAN, UTM CAWANGAN  
NEGERI SEMBILAN, KAMPUS REMBAU**

Arus teknologi telah mengubah dunia tanpa sempadan. Urusan membeli belah menjadi mudah dengan adanya maklumat di hujung jari melalui internet. Pelbagai aplikasi membeli belah secara dalam talian telah wujud seperti Lazada, Shopee, PG mall dan sebagainya untuk memenuhi permintaan pembeli. Pembelian secara dalam talian telah menjadi semakin meningkat semasa gelombang pandemik COVID 19 melanda negara baru-baru ini. Apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pembelian secara talian telah menjadi platform utama kepada para pengguna untuk membeli belah sama ada untuk membeli barangan keperluan asas ataupun produk yang memenuhi kehendak masing-masing. Sebagai contoh, orang ramai berlumba-lumba membeli pelitup muka secara dalam talian semasa PKP yang pertama sehinggakan harga yang dijual tidak munasabah apabila permintaan terhadap pelitup muka melebihi had pengeluaran. Pembeli boleh membeli barangan yang ditawarkan secara dalam talian di mana sahaja serata dunia dan pada bila-bila masa.

Terdapat beberapa manfaat dan kelebihan yang diperolehi dengan menggunakan aplikasi membeli belah secara dalam talian. Salah satunya ialah menjimatkan masa, wang dan juga tenaga. Pembeli tidak perlu lagi ke pusat membeli belah, berebut tempat letak kereta, membayar minyak kereta dan sebagainya. Pembeli hanya perlu membuka aplikasi membeli belah di dalam talian dan membuat carian produk yang dikehendaki. Apa yang lebih menarik, pembeli boleh membandingkan tawaran harga yang terbaik dan paling murah sesuatu produk. Pembayaran kos penghantaran

juga berpatutan. Hanya tunggu sahaja pihak kurier menghantar produk yang dipesan ke destinasi pembeli. Mudah bukan?

Namun, terdapat juga faktor terlebih belanja sekiranya pembeli tidak berhati-hati semasa menggunakan aplikasi ini. Bayangkan, promosi hebat yang dilancarkan oleh syarikat-syarikat ini pada setiap bulan, harga runtuh sempena perayaan, ulang tahun syarikat dan sebagainya. Mereka berlumba-lumba melakukan promosi hebat samada pengiklanan di alam maya atau tajaan rancangan televisyen. Secara tidak langsung, promosi ini membuatkan para pembeli akan melalui fasa rambang mata dan berpotensi untuk membeli lebih daripada keperluan.



**Aktiviti membeli belah secara fizikal kepada aktiviti membeli belah secara dalam talian**

Sebagai pembeli yang bijak, adalah disarankan kepada mereka untuk menggunakan manfaat dan kelebihan yang ada pada aplikasi membeli belah secara talian ini dengan bijaksana. Gunakan aplikasi ini untuk mendapatkan harga yang terbaik yang ditawarkan oleh penjual. Kawal diri daripada terlebih belanja produk-produk yang tidak diperlukan. Rancang perbelanjaan dengan menyenaraikan produk-produk yang perlu dibeli sahaja. Semoga, pembeli dapat menggunakan manfaat yang ada dan boleh berjimat cermat terutamanya semasa keadaan ekonomi yang masih tidak menentu dek penangan gelombang pandemik Covid-19 ini.